

Headline **Joran Merdekaia KLFM**
Date **29. Aug 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Variasi**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **16**
Article Size **869 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **11155.54**



Joran Merdekaia KLFM

PROGRAM Joran Merdekaia Sahabat KLFM anjuran KLFM yang berlangsung di Kolam Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pendengar.

Lebih 100 pendengar KLFM dari seluruh negara turut serta dalam menjayakan program yang bertujuan menyemarakkan semangat kemerdekaan di samping merapatkan hubungan antara pendengar serta kakitangan KLFM.

Selain pertandingan memancing, pelbagai acara lain diadakan seperti bermain boling kelapa dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Joran Merdekaia Sahabat KLFM itu turut diserikan dengan persembahan istimewa artis tempatan seperti Kumpulan Girls dan celoteh bersahaja penyampai KLFM.

Joran Merdekaia Sahabat KLFM ini dimenangi Faizal Yahya yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, kedua Mohd Sofian Abdul Aziz (RM750) dan Shahrul Nizam Akhyah di tempat ketiga (RM500).



KENANGAN...Pegawai KLFM, Fee Lin Chew (tengah) dan kakitangan KLFM bergambar kenangan bersama peserta.



TELITI... juri memberi markah kepada peserta mengikut saiz ikan yang ditangkap.



SABAR... peserta menanti dengan sabar umpan yang dipasang mengena.



TUMPUAN... selain memancing aktiviti sukaneka, boling kelapa menjadi tumpuan pada program itu.



BERTUAH... Faizal (tengah) Mohd Sofian (kiri) dan Shahrul Nizam menunjukkan ikan yang memberi tuah kepada mereka.